

BERITA HARIAN

13 JUN 2013

V16 **VARSAITI SUKAN**

© KHAMIS 13 JUN 2013 BIL.178

BH

UPNM unggul duathlon MUDS



Oleh Rosniza Mohd Taha
yoniza@mediaprima.com.my

↳ Serdang

Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) mengekalkan dominasi pertandingan sukan lasak Malakoff University Duathlon Series (MUDS) pada tahun ini dengan memenangi empat daripada lima kategori universiti diperandingkan.

Universiti itu mengungguli kategori Lelaki dan Campuran Berganti-ganti, Universiti Terbaik serta Penyeriaan Paling Ramai.

Ketua Pegawai Eksekutif Malakoff Corporation Berhad, Zainal Abidin Jalil, berkata peningkatan jumlah penyeriaan pada pertandingan kali ketujuh itu petanda baik kejayaan pihaknya menggalakkan gaya hidup sihat menerusi sukan lasak duathlon.

"Peningkatan jumlah peserta terutama penyeriaan kali pertama dalam kalangan pelajar universiti

dan masyarakat umum jelas membuktikan minat mereka mencuba sukan lasak ini.

"Sokongan berterusan daripada orang ramai memberi dorongan untuk kami terus menganjurkan acara ini pada masa depan," katanya ketika berucap pada Majlis Penutup dan Penyampaian Hadiah MUDS, di sini, baru-baru ini.

Cabaran sengit

Seramai 312 peserta menyertai MUDS bersempena dengan penganjuran kali pertama pada 2003 dan jumlah penyeriaan terus meningkat saban tahun hingga mencapai lebih 900 peserta tahun ini bertanding dalam kategori Universiti, Terbuka serta Pasukan Berganti-ganti.

Peserta kategori Campuran Berganti-ganti iaitu Muhammad Adha Satar, Muhammad Khawarizmi Shokur serta Qalillah Qal juga daripada UPNM menyempurnakan cabaran pertandingan

individu iaitu 41 minit 59 saat pada pertandingan akhir di Universiti Putra Malaysia (UPM), di sini baru-baru ini.

Kategori lain

UPNM turut menerima trofi Universiti Terbaik dan hadiah wang tunai RM3,000 berikutan penyeriaan paling ramai membabitkan 193 pelajar selain berjaya mengumpulkan markah tertinggi iaitu 5,750.

Kategori Wanita dimenangi peserta UM, Irene Chong See Win dengan catatan masa 49 minit 59 saat sementara pasukan lelaki UM memenangi kategori Lelaki Berganti-ganti dalam tempoh 39 minit 21 saat.

Cabaran siri akhir MUDS di UPM itu memerlukan peserta menyempurnakan larian sejauh enam kilometer (km) dan berbasikal 13 km. Dua siri pertandingan terdahulu diadakan di UPNM membabitkan enam km larian dan 13.8 berbasikal serta tujuh km larian dan 11.4 km berbasikal di UM.



Penyeriaan pertandingan kali ketujuh mendapat sambutan menggalakkan.

INFO

Keputusan penuh pusingan akhir MUDS Kategori Universiti

Penyeriaan paling ramai

- 1) UPNM - 193 peserta
- 2) Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) - 72 peserta
- 3) Universiti Teknologi Malaysia - 12 peserta

Universiti Terbaik

- 1) UPNM - 5,750 markah
- 2) UM - 1,200 markah

Lelaki

- 1) UPNM - Lim Shimri
- 2) UPNM - Muhammad Tarmizulfika Ismail
- 3) Universiti Multimedia - Jason Loh Chwan Chyun
- 4) UPNM - Muhammad Faiq Hashim
- 5) UPNM - Syed Abdullah Syed Mohamad

Wanita

- 1) UM - Irene Chong See Win
- 2) UPNM - Teh Yong Le
- 3) UIAM - Fatin Nur Ain Ramli
- 4) UPNM - Norkhalilah Khalil
- 5) University of Nottingham Malaysia - Loong Min Shen

Lelaki Berganti-ganti

- 1) UM Running Club
- 2) UIAM X Team 1
- 3) UITM Runner Club 1

Campuran Berganti-ganti

- 1) UPNM A
- 2) UPNM 5
- 3) Super Universiti Pendidikan Sultan Idris Riders C

